



MOHD RAFI MAMAT / BERITA HARIAN

KEADAAN tanah runtuh di kuarters Jabatan Perhutanan Negeri di Bukit Pelindung.

Struktur tanah tebing konkrit kuarters Bukit Pelindung runtuh

KUANTAN: Hujan berte-rusan sejak dua minggu lalu menyebabkan struktur tanah tebing konkrit kuarters Jabatan Perhutanan Negeri di Bukit Pelindung, di sini, runtuh, kelmarin.

Pergerakan tanah di kawasan itu disedari kakitangan Jabatan Perhutanan yang melakukan tugas menyelenggara kawasan berkenaan Sabtu lalu.

Pemeriksaan mendapati struktur tanah bukit terbabit longgar dan menyebabkan berlakunya pergerakan tanah di kawasan berkenaan.

Tinjauan *Berita Harian* di tempat kejadian mendapati tembok konkrit di kawasan berkenaan pecah dan runtuh berpunca daripada hakisan tanah yang turut menyebabkan tiang elektrik tumbang.

Kuarters jabatan perhuta-

nan negeri menempatkan lebih 10 rumah yang sebelum ini dihuni pegawai jabatan berkenaan, bagaimanapun, kini hanya sebuah rumah saja yang diduduki.

Usaha menghalang tembok konkrit berkenaan daripada terus runtuh perlu dilakukan segera bagi mengelakkan keadaan runtuhan

“Kejadian tanah runtuh sering berlaku walaupun tiada sebarang aktiviti menebang pokok dilakukan”

Razlan Mazlan
Pengunjung
Bukit Pelindung

bertambah buruk.

Pengunjung Bukit Pelindung, Razlan Mazlan, 39, berkata kejadian tanah runtuh mudah berlaku di kawasan Bukit Pelindung, di sini, terutama setiap kali musim tengkujuh.

“Kejadian tanah runtuh sering berlaku walaupun tiada sebarang aktiviti menebang pokok dilakukan.

“Bagi kes tanah runtuh di kuarters Jabatan Perhutanan, tindakan segera seperti menutup tanah di situ dengan plastik perlu dilakukan bagi memastikan hakisan tidak terus berlaku,” katanya.

Razlan berkata, sebelum ini sebuah tembok konkrit yang terletak bersebelahan kawasan perumahan di Bukit Pelindung turut runtuh sehingga menimbulkan keresahan penduduk.